

## Pemberian secara tunai sukar capai matlamat

**S H A H  
ALAM** - Program subsidi  
bersasar bagi  
minyak petrol  
RON95 dili-  
hat tidak  
mampu mem-  
beri manfaat  
total kepada  
rakyat, di sam-  
ping sukar  
m e n c a p a i



**MOHD YUSOF**

matlamat se-  
kiranya kerajaan menggunakan mekanisme  
pemberian secara tunai.

Timbalan Presiden Gabungan Persa-  
tuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd  
Yusof Abdul Rahman berkata, kerajaan  
tidak mampu mengawal penggunaan sub-  
sidi yang diberikan menyebabkan peng-  
guna boleh menggunakan pemberian itu  
untuk tujuan lain.

Menurutnya, beliau tidak melihat sub-  
sidi berkenaan mampu membantu rakyat.

"Jumlah yang diberikan terlalu sedikit.  
RM30 adalah subsidi jadi bukan sepenuh-  
nya. Pengguna perlu tambah wang untuk  
biaya kos petrol mereka.

"Apatah lagi dalam bentuk tunai. Jadi  
bergantung kepada pengguna jika nak gu-  
nakan untuk perkara lain," katanya kepada  
*Sinar Harian* semalam.

Mohd Yusof berkata, tujuan subsidi  
berkenaan ditetapkan untuk keperluan  
petrol, justeru agak sukar untuk mengukur  
sejauh mana matlamat tersebut dicapai.

Justeru, katanya, kerajaan perlu meng-  
kaji mekanisme yang lebih sesuai.

"Kerajaan tidak boleh jangka apa yang  
digunakan oleh penerima. Jika kerajaan  
mahu ia benar-benar capai matlamat, per-  
lu gunakan mekanisme seperti kad atau  
sebagainya untuk memastikan ia betul-  
betul digunakan untuk petrol," katanya.